

PM tiba di New York hadiri sidang PBB

NEWYORK: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di sini malam tadi untuk berucap buat pertama kalinya selaku Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-59.

Beliau dijadual menyampaikan ucapannya hari ini dan dijangka menyentuh pelbagai isu membabitkan dunia Islam seperti soal Iraq, Sudan dan keganasan serta masalah yang dihadapi negara membangun.

Malaysia kini adalah Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan juga Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Perdana Menteri juga akan menemui Presiden UNGA, Jean Ping dari Gabon; serta Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan.

Abdullah juga dijadual berucap pada mesyuarat tahunan Menteri Luar NAM. - Bernama



ABDULLAH tiba di hotel penginapannya di New York, malam tadi. Beliau akan berucap buat pertama kali selaku Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-59. - Gambar Bernama